

## **Kajian Pengurusan Risiko Berdasarkan Persekitaran Kawalan Dalam Mengikut Indeks Koperasi Terbaik Malaysia**

NOR SUHAILY BAKAR, NUR SURIANA AWALUDIN, SHUHAIMI JAAFAR  
& ZAINAB AMAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
norsuhaily@kuis.edu.my  
suriana@kuis.edu.my  
shuhaimi@kuis.edu.my  
zainab@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

Koperasi adalah sebuah koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 di mana ‘suatu pertubuhan yang terdiri daripada orang individu sahaja dan yang matlamatnya adalah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi’. Kepentingan ekonomi anggota menjadi tanggungjawab utama Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dan pihak pengurusan dalam memastikan kejayaan operasi dan aktiviti yang dijalankan mengikut matlamat yang terkandung dalam strategi yang digubal dalam Mesyuarat Lembaga Koperasi. Namun begitu dalam menjalankan tanggungjawab risiko pasti akan berlaku walaupun piawaian aturan yang baik telah digariskan dalam sesuatu operasi koperasi. Oleh itu dalam kajian ini pengkaji akan (i) menentukan apa risiko yang boleh berlaku dengan memberi fokus kepada operasi pentadbiran, (ii) mengenalpasti mengapa risiko pentadbiran ini boleh berlaku dan (iii) mengenalpasti strategi yang boleh dilakukan bagi mengurangkan risiko pentadbiran yang berlaku. Punca permasalahan risiko pentadbiran ini di lihat berdasarkan persekitaran kawalan dalaman iaitu sama ada ALK dan pihak pengurusan: (i) tahu faham, peka atau maklum komitmen terhadap kompetensi, (ii) terlepas pandang struktur organisasi, (iii) tahu tanggungjawab hakiki dan penurunan kuasa, (iv) maklum tetapi tidak patuh terhadap polisi atau integriti dan nilai etika, dan (v) salah faham dalam keberkesanan hubungan. Oleh itu dengan menggunakan persekitaran kawalan dalaman punca permasalahan dalam risiko pentadbiran dapat dikenalpasti. Dengan ini diharap dapat membantu koperasi dalam memberi fokus kepada kawalan dalaman yang utama bagi menjalankan aktiviti harian koperasi.

*Kata Kunci: Pengurusan Risiko, Persekitaran Kawalan Dalaman, Kompetensi, Struktur Organisasi, Penurunan Kuasa, Polisi, Integriti dan Komunikasi Hubungan*

### **PENGENALAN**

Mutakhir ini, perubahan hala tuju dan prospek ekonomi yang tidak menentu memberikan pengaruh dan cabaran yang besar kepada kejayaan pengurusan sektor koperasi di Malaysia. Situasi ini memberikan kesan kepada pengurusan sektor koperasi untuk sentiasa bersiap siaga dalam menguruskan risiko perniagaan mahupun risiko pengurusan. Justeru, setiap koperasi perlu menetapkan matlamat dalam merealisasikan visi dan misi bagi memastikan bahawa segala unsur yang berkaitan adalah tersedia bagi mengurus pelbagai risiko yang timbul daripada persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah. Sama ada ia risiko strategik, kredit, pasaran, kecairan atau

operasi. Koperasi juga perlu sentiasa melaksanakan usaha yang berterusan dalam mengekalkan budaya pengurusan risiko yang teguh dan rangka kerja pengurusan risiko yang bersepadu untuk merebut semua peluang dalam menangani pelbagai ancaman yang tidak dijangka.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Tadbir urus koperasi yang berkesan, dikenal pasti menjamin pengurusan koperasi dijalankan secara berhemah dan mantap. Ini bagi memastikan aktiviti pengambilan risiko memberikan pulangan maksimum kepada ahli koperasi dan juga menjamin kepentingan semua pihak. Dalam pada itu, ia juga dapat menggalakkan penerapan unsur-unsur disiplin serta ketelusan dalam amalan tadbir urus yang menjamin akauntabiliti korporat dalam sektor koperasi.

Menurut perangkaan am koperasi (SKM, 2016), bilangan koperasi di Malaysia telah berkembang dengan pesat iaitu mencecah 13,247 koperasi dengan keanggotaan 7,025,127. Perkembangan koperasi ini terdiri daripada pelbagai jenis, saiz, dan darjah kerumitan. Situasi ini merupakan suatu cabaran bagi pihak SKM bagi membuat pemantauan, menyelia dan mengawal selia koperasi dan sektor koperasi. Sehubungan itu, SKM (2012) telah menyediakan Rangka Kerja Penyeliaan Koperasi (RKPK) yang berfungsi sebagai satu garis panduan dalam membantu koperasi menghadapi ekonomi yang tidak menentu. Di bawah RKPK (2012), koperasi – koperasi dibahagikan kepada tiga (3) kategori:

- i. Koperasi Tier 1: koperasi yang mempunyai impak besar – koperasi yang bersaiz besar dan terus berkembang dari segi aset, liabiliti, perolehan, modal dan saiz anggota, mewakili komuniti yang unik dan bersifat nasional, darjah kompleks operasi tinggi termasuk mempunyai rangkaian subsidiari yang meluas, menceburi pelbagai kegiatan ekonomi dan sentiasa mendapat perhatian umum.
- ii. Koperasi Tier 2: koperasi yang memberi impak sederhana – koperasi yang bersaiz sederhana dari segi aset, liabiliti, saiz anggota, perolehan dan modal, memberi perkhidmatan untuk kelompok tertentu, darjah kekompleksan adalah sederhana, mempunyai bilangan kecil subsidiari jika ada dan mempunyai satu atau dua kegiatan ekonomi.
- iii. Koperasi Tier 3: koperasi yang mempunyai impak kecil – koperasi yang bersaiz kecil dari segi aset, liabiliti, saiz anggota, perolehan dan modal, memberi perkhidmatan untuk kelompok tertentu, darjah kekompleksan adalah rendah, lazimnya tidak mempunyai subsidiari, hanya mempunyai satu atau dua kegiatan ekonomi, tiada perubahan ketara tahun demi tahun, penglibatan koperasi dalam aktiviti pengambilan risiko adalah terhad dan koperasi masih dalam fasa pembangunan atau kurang aktif.

Lanjutan daripada RKPK (2012), SKM melancarkan produk penyeliaan Penilaian Risiko Koperasi (PRISKOP) iaitu kaedah bagi mengawal selia koperasi melalui penarafan risiko yang akan memberi manfaat kepada gerakan koperasi di Malaysia serta membimbing koperasi berdepan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, meramalkan risiko perniagaan dan pengurusan. Langkah ini membolehkan ALK dan pihak pengurusan koperasi mengambil langkah awal untuk memastikan keselamatan dalam menguruskan koperasi iaitu yang melibatkan infrastruktur, modal insan dan rangka kerja. Selain itu, PRISKOP menyumbang kepada pengurusan risiko yang diurus dengan lebih cekap dan berstrategi serta melindungi kepentingan para anggotanya.

Walaupun koperasi di Malaysia telah berkembang dengan pesat, sumbangan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia (KDNK) 2009 adalah sebanyak 1% sahaja (Maktab Koperasi Malaysia MKM, 2012), ini adalah sumbangan yang sangat sedikit dan menyedihkan. Satu isu yang perlu diberi perhatian ialah 80% koperasi berdaftar di Malaysia adalah tidak aktif, dimana jumlah nilai perniagaan tahunan (*turn over*) adalah di bawah RM 200,000.00. Dalam pada itu, terdapat koperasi yang gagal beroperasi. Menurut SKM (2010), sehingga pada tahun 2008 terdapat 44 buah koperasi telah dibatalkan pendaftarannya, dan pada tahun 2009 sebanyak 61 koperasi dibatalkan pendaftaran. Dari aspek pengurusan risiko, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) merumuskan bahawa kebanyakan koperasi di Malaysia masih kurang mengamalkan pengurusan risiko dalam tadbir urus koperasi. Hanya koperasi Tier 1 dan Tier 2 dikenal pasti memberikan tumpuan kepada pengurusan risiko yang baik berbanding dengan koperasi Tier 3 (Abd. Malek et. al, 2017).

Selain itu, kawalan dalaman koperasi di Malaysia juga adalah sederhana (Abd. Aziz, Said & Alam, 2013). Namun begitu, aspek kawalan dalaman koperasi masih lagi tertumpu kepada pengurusan dokumen. Ini menunjukkan bahawa koperasi di Malaysia masih bersandarkan kepada pelaksanaan polisi atau prosedur dan kurang memberikan perhatian kawalan dalaman koperasi secara holistik iaitu sebagai satu sistem terintergrasi pada setiap tahap organisasi (Haron, Ibrahim, Jeyaraman & Chye, 2010).

## **SKOP KAJIAN**

Kajian ini menumpukan kepada pengurusan risiko bagi koperasi yang disenaraikan di dalam 100 koperasi terbaik tahun 2017. Spesifiknya, skop kajian ini menjurus kepada koperasi tier I dan tier II yang memberi impak besar dalam operasi perniagaan koperasi.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kertas kerja ini bersandarkan kepada dua objektif berikut;

1. Menentukan hubung kait kawalan dalaman dengan pengurusan risiko koperasi asas di Malaysia.
2. Menentukan peramal utama pengurusan risiko koperasi asas di Malaysia berpandukan kepada aspek kawalan dalaman.

## **SOROTAN KAJIAN**

SKM (2012) melancarkan produk penyeliaan Penilaian Risiko Koperasi (PRISKOP) iaitu kaedah bagi mengawal selia koperasi melalui penarafan risiko yang akan memberi manfaat kepada gerakan koperasi di Malaysia serta membimbing koperasi berdepan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, meramalkan risiko perniagaan dan pengurusan. Menurut Irzan (2012), pengurusan risiko adalah semua aktiviti pengurusan yang proaktif dalam sesuatu program yang bertujuan untuk menampung kemungkinan kegagalan unsur-unsur dalam program. Rejda (2005) pula mentakrifkan pengurusan risiko adalah satu proses mengenal pasti pendedahan kerugian yang akan dihadapi oleh sesebuah organisasi dan memilih teknik yang paling sesuai untuk memperlakukan pendedahan tersebut. Dalam konteks organisasi, pengurusan risiko organisasi (*Enterprise Risk Management / ERM*) merupakan satu pendekatan berstruktur untuk menguruskan ketidaktentuan yang berkaitan dengan ancaman dan kesan dari aktiviti manusia, yang mana termasuk penilaian risiko serta membangunkan strategi dalam menguruskan risiko dan mengurangkan risiko dengan menggunakan sumber-sumber pengurusan yang ada (Irzan, 2012).

*Committee of Sponsoring Organisations of Treadway Commission* (COSO, 2004) telah membangunkan kerangka pengurusan risiko organisasi yang boleh dijadikan panduan oleh koperasi dalam menguruskan sebarang isu pengurusan. Kerangka tersebut melibatkan kesemua komponen kawalan dalaman dengan komponen tambahan iaitu objektif, pengenalan pastian dan tindak balas risiko (Rittenberg & Schwieger, 2005).

Pengurusan risiko saling berkait rapat dengan risiko dengan mengambil langkah individu atau organisasi untuk mengawal, mengelak dan mengurangkan kesan negatif risiko tersebut. Menurut Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, (IFSB, 2005) strategi yang perlu diambil dalam mengendalikan risiko terbahagi kepada lima proses iaitu mengenal pasti risiko (*risk identification*), mengukur risiko (*risk measurement*), menilai risiko (*risk evaluation*), mengawal risiko (*risk control*) dan pemantauan risiko (*risk monitoring*).

Kajian berkenaan pengurusan risiko di Malaysia seperti yang dijalankan oleh Norwatim (2011) mendapati amalan pengambilan risiko masih lagi rendah bagi setiap kategori koperasi. Penemuan tersebut menunjukkan terdapat jurang di antara kemampuan mengambil risiko oleh koperasi dalam setiap kategori. Ini menunjukkan kecenderungan mengambil risiko berbeza pada setiap tahap keusahawanan. Dapatan tersebut juga mengenal pasti koperasi hanya menjalankan aktiviti-aktiviti yang berisiko rendah atau memilih untuk berada dalam zon selamat. Hasil kajian Abd Malek et. al (2017)) mendapati hanya separuh (20 daripada 40; 50%) koperasi Tier 1 dan Tier 2 mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Risiko, manakala kurang daripada separuh (15 daripada 40; 43%) mempunyai Unit Pengurusan Risiko. Dapatan kajian tersebut mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan pengurusan risiko lebih tinggi dalam kalangan koperasi Tier 1 berbanding Tier 2.

CPA Australia (2011) mendefinisikan kawalan dalaman sebagai satu sistem polisi dan prosedur organisasi bagi memastikan keselamatan aset, ketepatan dan kebolehpercayaan laporan kewangan, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan bagi mencapai keberkesanan organisasi. Sistem ini bukan sahaja berkaitan perakauan dan pelaporan, tetapi ia juga melibatkan proses komunikasi dalaman dan luaran, pengurusan staf dan juga pengurusan kesilapan. Menurut COSO (2013), kawalan persekitaran dalaman organisasi menentukan hala tuju organisasi dan juga mempengaruhi kesedaran staf berkenaan kawalan dalaman. Persekitaran kawalan dalaman melibatkan aspek integriti, nilai dan etika, falsafah pengurusan dan juga gaya operasi. Selain itu, ia juga mempengaruhi bagaimana pihak pengurusan meletakkan tanggung jawab yang bersesuaian kepada staf, menguruskan cara kerja, penumpuan daripada pihak tertinggi organisasi.

Pemahaman terhadap konsep kawalan dalaman adalah amat penting kerana ia mempengaruhi pemahaman staf terhadap prestasi organisasi. Spitzer (2005) menyatakan bahawa pelaksanaan kawalan dalaman yang tepat akan memastikan organisasi diuruskan dengan efisien. Kajian yang dijalankan oleh Khamis (2013) mendapati kawalan dalaman mempunyai hubungan positif dengan prestasi kewangan organisasi. Hal yang sama dikenal pasti oleh Mawanda (2008), iaitu kawalan dalaman sememangnya mempengaruhi prestasi kewangan institusi pengajian tinggi. Khorwatt (2015) mengenal pasti entiti perniagaan yang menguruskan kawalan dalaman dengan baik dapat menguruskan risiko dalam menghadapi sebarang ketidakpastian ekonomi. Situasi ini boleh dilihat dalam konteks bagaimana bank mengendalikan kes penipuan seperti di dalam kajian Gesare, Michael dan Odongo (2016) yang mendapati aspek kawalan dalaman adalah sangat mempengaruhi bagaimana bank mengendalikan kes-kes penipuan yang merupakan salah satu aspek yang ditumpukan di dalam penilaian risiko. Tinjauan oleh Bayyoud dan Sayyad (2015) terhadap sejumlah bank di Palestin mendapati kawalan

dalamannya adalah mempengaruhi pengurusan risiko yang merupakan antara penyumbang utama prestasi .

Kajian yang dijalankan oleh Mahedeen, Al-Dmour, Obeidat, Tarhini (2016) mendapati aspek kawalan dalaman merupakan model peramal yang menyumbang kepada 77.3% keberkesanan organisasi yang melibatkan aspek pengurusan risiko, pengawasan dan komunikasi. Dapatan yang hampir sama dikenal pasti melalui kajian Gesare, Michael dan Odongo (2016), yang mendapati aspek kawalan dalaman merupakan penyumbang kepada 67.7% kecekapan bank menguruskan kes-kes penipuan yang merupakan salah satu aspek yang ditumpukan di dalam penilaian risiko.

Ariffin et. al (2016) yang mengkaji berkenaan kawalan dalaman koperasi kredit di Malaysia mendapati sebahagian besar ALK mempunyai kesedaran terhadap sistem kawalan dalaman. Mereka juga dikenal pasti mempunyai kesediaan untuk melaksanakan sistem kawalan dalaman. Namun begitu, tahap kesedaran dan kesediaan tersebut masih lagi pada tahap yang sederhana. Kajian yang dijalankan oleh Abdul Aziz, Said dan Alam (2013) mendapati 86.2% responden daripada pelbagai agensi kerajaan bersetuju bahawa mereka telah menjalankan sistem kawalan dalaman. Namun begitu, aspek kawalan dalaman yang sering kali diberi perhatian ialah dalam aspek pengurusan dokumen sahaja. Rosman et, al (2016) yang mengkaji kesan sistem kawalan dalaman organisasi bukan berasaskan keuntungan di Malaysia mendapati wujudnya hubungan signifikan diantara kawalan dalaman, aktiviti kawalan, penilaian risiko, pemantuan dan prestasi kewangan organisasi.

Bagi menyokong perkaitan diantara kawalan dalaman dengan pengurusan risiko, kajian ini bersandarkan kepada Teori Agensi. Teori ini telah digunakan dalam kajian-kajian terdahulu yang menumpukan kepada ketidaksamaan maklumat yang diperolehi dan dihayati oleh *share holders* dengan agen iaitu pihak pengurusan. Secara amnya, Teori Agensi mengenal pasti hubungan kait agensi dimana satu bahagian iaitu *share holders* membahagikan tugas kepada pihak yang lain, iaitu agen. Abdol mohammadi (2011) menyatakan bahawa berpandukan teori agensi, sesebuah organisasi adalah terikat dengan satu kontrak khusus antara pemunya sumber ekonomi iaitu *share holders* dengan agen yang bertanggung jawab menggunakan dan mengawal sumber ekonomi tersebut. Dalam konteks pengurusan koperasi di Malaysia, terdapat kemungkinan pihak agen yang menguruskan koperasi tidak bertindak mengikut keutamaan yang dinyatakan oleh pihak *share holders*. Ini bermaksud, pihak pengurusan koperasi kurang atau gagal memberikan perhatian terhadap sistem kawalan dalaman yang menjurus kepada pengurusan risiko yang lemah. Ia juga menerangkan mengapa agen tidak mengambil risiko yang bersesuaian seperti yang dikehendaki oleh pihak *share holders*, kerana terdapat pencanggahan idea dan salah faham diantara agen dengan *share holders* berkenaan risiko yang perlu diambil.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu; (a) lima item berkenaan latar belakang responden, (b) 31 item yang mengukur persepsi responden terhadap sistem kawalan dalaman koperasi, dan (c) 12 item yang mengukur persepsi responden terhadap penilaian risiko koperasi. Soal selidik diadaptasi daripada *Committee of Sponsoring Organisations of Treadway Commission (COSO, 2013)* Bagi tujuan pengesahan dan kesesuaian item soal selidik, soal selidik tersebut telah dirujuk kepada dua pakar dalam bidang perakaunan. Selain itu, satu kajian rintis telah dijalankan terhadap 36 staf koperasi. Analisis nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi item soal-selidik penilaian risiko ialah 0.86, sementara nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha mengikut aspek sistem dalaman ialah; Integriti dan Nilai

(0.85), Komitmen Terhadap Kecekapan (0.93), Struktur Organisasi (0.61), Peruntukkan (0.82), dan Polisi Sumber Manusia (0.87). Berpandukan kepada Pallant (2011) , nilai Cronbach Alpha yang diperolehi menunjukkan soal-selidik kajian ini adalah sesuai.

Pengumpulan data dijalankan secara dalam talian melalui Google Doc. Pemilihan koperasi dan kakitangan koperasi dijalankan secara rawak menggunakan perisian Randomizer secara dalam talian pada pautan [www.skm.gov.my](http://www.skm.gov.my) Setiap koperasi yang dipilih telah dihubungi melalui panggilan telefon, emel dan temubual.

Dalam proses menjawab item-item soal-selidik, responden diminta untuk membaca item yang dikemukakan dan seterusnya mereka perlu menandakan persepsi berpandukan kepada lima skala yang disenaraikan iaitu; Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Tidak Pasti, Setuju dan Sangat Setuju. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Science* (SPSS) versi 23. Maklumat latar belakang responden diterangkan menggunakan statistic deskriptif yang menumpukan kepada kekerapan dan peratusan. Penentuan hubungan pembolehubah kajian adalah menggunakan analisis korelasi pearson, manakala peramal utama penilaian risiko koperasi dianalisis menggunakan regresi berganda.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan maklumat latar belakang responden yang terlibat di dalam kajian ini. Seramai 43 responden (65.2%) merupakan responden wanita, manakala responden lelaki hanyalah seramai 23 orang (34.8%). Umur responden kajian, sebahagian besarnya adalah dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun (50%) dan 41 tahun ke atas (40.9%). Selebihnya adalah berumur diantara 21 hingga 30 tahun (9.1%). Bagi latar belakang responden mengikut taraf akademik, majoritinya mempunyai kelayakan ijazah (80.3%), Sarjana/Phd (13.6%) dan kelayakan sijil/diploma (6.1%). Kajian ini juga mengenal pasti tiga peranan responden di dalam koperasi iaitu pengurus koperasi (15.2%), pentadbiran (18.1%) dan lain-lain peranan (66.7%). Kajian ini mengenal pasti empat focus utama koperasi dimana peruncitan merupakan fokus terbesar (30.3%), diikuti oleh perladangan (19.7%), perkhidmatan (10.6%) dan kepenggunaan (9.1%).

**Jadual 1: Maklumat Latar Belakang Responden Kajian**

	Frekuensi	%
Jantina		
Lelaki	23	34.8
Perempuan	43	65.2
Umur		
21-30 tahun	6	9.1
31 – 40 tahun	33	50.0
41 – 50 tahun	27	40.9
Akademik		
Sijil/Diploma	4	6.1
Ijazah	53	80.3
Sarjana/Phd	9	13.6
Peranan Dalam Koperasi		
Pengurus	10	15.2
Pentadbiran	12	18.2

Lain-lain	44	66.7
Fokus Perniagaan Koperasi		
Peruncitan	20	30.3
Perkhidmatan	7	10.6
Perladangan	13	19.7
Kepenggunaan	6	9.1
Jumlah	66	100

Jadual 2 menunjukkan nilai min, sisihan piawai dan nilai korelasi pearson bagi hubungan enam aspek sistem kawalan dalaman dengan penilaian risiko koperasi. Kajian ini mendapati semua aspek sistem kawalan dalaman mempunyai hubungan positif dengan penilaian risiko koperasi. Nilai pekali korelasi  $r$  bagi hubungan tersebut adalah; Integriti dan Nilai Etika ( $r=.662$ ), Komitmen Kecekapan ( $r=.766$ ), Falsafah ( $r=.790$ ), Struktur organisasi ( $r=.822$ ), Peruntukkan ( $r=.723$ ) dan Polisi sumber manusia ( $r=.692$ ). Merujuk kepada pekali kekuatan hubungan korelasi (Cohen, 1988), semua hubungan tersebut adalah kuat. Ini menunjukkan bahawa enam aspek sistem kawalan dalaman sememangnya mempengaruhi pihak koperasi dalam membuat penilaian risiko. Selain daripada hubungan diantara sistem kawalan dalaman dengan penilaian risiko, Jadual 2 turut menunjukkan wujudnya hubungan signifikan (*inter-correlation*) diantara enam aspek sistem kawalan dalaman. Dapatan ini menunjukkan enam aspek tersebut adalah berpotensi untuk digabungkan sebagai satu model peramal penilaian risiko koperasi.

**Jadual 2: Nilai min, sisihan piawai dan nilai korelasi pearson pembolehubah kajian**

	min	sp	1.	2.	3.	4.	5.	6
Pembolehubah Bersandar: Penilaian Risiko Koperasi	4.02	.36	.662*	.766*	.790*	.822*	.723*	.692*
Pembolehubah Bebas	4.00	.61						
1. Integriti & Nilai Etika	3.92	.67	-	.605*	.670*	.519*	.399*	.535*
2. Komitmen Kecekapan	3.95	.58		-	.978*	.583*	.884*	.902*
3. Falsafah	4.04	.37			-	.587*	.870*	.924*
4. Struktur Organisasi	3.98	.44				-	.543*	.541*
5. Peruntukkan	3.92	.58					-	.919*
6. Polisi sumber manusia	4.02	.36						-

Petunjuk: \*  $p < 0.05$

Hubungan signifikan yang dikenal pasti di dalam kajian ini adalah konsisten dengan kajian Khamis (2013) dan kajian Rosman et. al (2016) yang merumuskan bahawa aspek kawalan dalaman sememangnya mempengaruhi pengurusan risiko. Dari aspek aspek pengurusan risiko, aspek pengurusan penipuan merupakan aspek yang diberi tumpuan utama entiti perniagaan. Ini selari dengan dapatan kajian Khorwatt (2015) yang mendapati pengurusan kawalan dalaman yang baik dapat membantu entiti perniagaan menguruskan risiko dengan berkesan. Dapatan ini juga menyokong dapatan kajian Gesare, Michael dan Odongo (2016), iaitu aspek kawalan dalaman adalah sangat mempengaruhi bagaimana bank mengendalikan kes-kes penipuan.

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis ujian regresi berganda bagi menentukan peramal penilaian risiko koperasi. Model peramal tersebut ini telah memenuhi syarat-syarat regresi berganda (Pallant, 2013; Tabanichk & Fiddle, 2012) iaitu bilangan sampel minima, kenormalan, multicollinearity dan juga outliers. Model peramal penilaian risiko yang ditunjukkan dalam Jadual 3 mendapati nilai  $R^2 = .876$ . Ini menunjukkan perkongsian varians antara enam pembolehubah peramal menyumbang sebanyak 87.6% varians pembolehubah bersandar iaitu penilaian risiko koperasi. Dapatan ini disokong dengan nilai  $F(6,59) = 69.49$  yang signifikan pada  $p < 0.05$ .

Hasil analisis varians regresi berganda adalah signifikan pada  $p < 0.05$ . Dapatan ini menunjukkan regresi  $R$  berbeza daripada sifar adalah signifikan yang mengesahkan bahawa wujudnya hubungan linear antara penilaian risiko dengan enam pembolehubah peramal iaitu Integriti dan Nilai Etika ( $t = 2.33, p = .02$ ), Komitmen Kecekapan ( $t = -2.06, p = .04$ ), Falsafah ( $t = 3.23, p = .00$ ), Struktur Organisasi ( $t = 8.37, p = .00$ ), Peruntukkan ( $t = 4.30, p = .00$ ) dan Polisi Sumber Manusia ( $t = -4.18, p = .00$ ) merupakan peramal kepada pembolehubah tekad keusahawanan.

Falsafah ( $Beta = .974; p = .00$ ) merupakan penyumbang utama kepada penilaian risiko koperasi, semasa varians yang diterangkan oleh pembolehubah peramal lain di dalam model ini dikawal. Ini menunjukkan bahawa peningkatan satu nilai sisihan piawai Falsafah akan meningkatkan nilai sisihan piawai penilaian risiko sebanyak 9.74. Ini bermaksud gaya dan falsafah pengurusan penting dalam menguruskan risiko perniagaan koperasi.

**Jadual 3: Peramal Penilaian Risiko Koperasi Berpandukan Sistem Kawalan Dalam**

Pembolehubah Peramal	Beta Terpiawai	Nilai t	sig
Pemalar	-	.048	.962
Integriti & Nilai Etika	.179	2.33	.02*
Komitmen Kecekapan	-.517	-2.06	.04*
Falsafah	.974	3.23	.00*
Struktur Organisasi	.499	8.37	.00*
Peruntukkan	.598	4.30	.00*
Polisi sumber manusia	-.663	-4.18	.00*

$R^2 = .876; F(6,59) = 69.49; *p < 0.05$

Model peramal penilaian risiko yang dikenal pasti melalui kajian ini menunjukkan pentingnya koperasi menguruskan aspek kawalan dalaman dengan berkesan, kerana ia menyumbang kepada prestasi mereka menguruskan risiko. Dapatan ini sangat bertepatan dengan Teori Agensi yang diterangkan oleh Abdol mohammadi (2011) iaitu sesebuah organisasi adalah terikat dengan satu kontrak khusus antara pemunya sumber ekonomi iaitu *share holders* dengan agen yang bertanggung jawab menggunakan dan mengawal sumber ekonomi tersebut. Dapatan ini juga selari dengan tumpuan khusus yang digariskan oleh COSO (2013) iaitu pengurusan kawalan persekitaran dalaman organisasi akan menentukan hala tuju organisasi dan juga mempengaruhi kesedaran staf berkenaan kawalan dalaman, serta mempengaruhi bagaimana pihak pengurusan meletakkan tanggung jawab yang bersesuaian kepada staf, menguruskan cara kerja, penumpuan daripada pihak tertinggi organisasi. Peraturan sumbangan pembolehubah



peramal yang tinggi iaitu sebanyak 87.6% adalah konsisten dengan dapatan kajian Mahedeen, Al-Dmour, Obeidat, Tarhini (2016), dimana aspek kawalan dalaman menyumbang kepada 77.3% keberkesanan organisasi yang melibatkan aspek pengurusan risiko, pengawasan dan komunikasi. Selain itu, dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian Gesare, Michael dan Odongo (2016) yang mendapati aspek kawalan dalaman menyumbang kepada 67.7% keberkesanan pihak bank mengendalikan kes-kes penipuan.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini telah menumpukan kepada pelaksanaan sistem kawalan dalaman yang menyumbang kepada pengurusan risiko koperasi Tier I dan Tier II di Malaysia. Metodologi utama kajian ini ialah kajian kuantitatif dengan menggunakan soal-selidik sebagai instrument utama kajian. Selain itu, kajian ini juga menjalankan sesi temubual bagi mengenal pasti strategi pengurusan risiko. Teori yang menjadi rujukan dalam kajian ini ialah Teori Stakeholder yang menerangkan bagaimana koperasi menguruskan perubahan dalaman dan persekitaran luaran bagi mencapai keuntungan. Dapatan dan perbincangan menunjukkan sistem kawalan dalaman dan pengurusan mempunyai perkaitan positif. Justeru, kedua-dua pembolehubah tersebut perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak koperasi.

## **Rujukan**

- Abd Aziz, M, A., Said, J., & Alam, M, M, (2013). Assessment of the Practices of Internal Control System In The Public Stores Of Malaysia. *Asia-Pacific Management Accounting Journal, Volume 10 Issue 1*.
- Abdul Malek, R., Shaarani, A, F., Said, A., Ariffin, A., & Mohamad Radzi, I, N, A. (2017). Pelaksanaan Pengurusan Risiko Dalam Gerakan Koperasi Di Malaysia. *Malaysian Journal of Co-operative Studies* Volume 13:13-30.
- Ariffin, A., Mohd Hanif, F., Ali, S., & Abdul Razak, N, A., (2016). The Implementation of Internal Control Control System Among Malaysian Credit Co-Operatives. *Malaysian Journal of Co-operative Studies* Volume 12:1-20.
- Bayyoud, M., & Sayyad, N., A., (2015). The Impact of Internal Control and Risk Management on Banks in Palestine. *International Journal of Economics, Finance and Management Sciences*. 3(3), 156-161.
- CPA Australia (2011). *Internal Controls For Non-Profit Organization*. CPA Australia Ltd, Victoria.
- Committee of Sponsoring Organisations of Treadway Commission* (2004), “Internal control—integrated framework”, *The Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission*.
- Committee of Sponsoring Organisations of Treadway Commission* (COSO, 2013) “Internal control—integrated framework, executive summary.” *The Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission*.
- Haron, H., Ibrahim, D. D. N., Jeyaraman, K., & Chye, O. H. (2010). Determinants of internal control characteristics influencing voluntary and mandatory disclosures: A Malaysian perspective. *Managerial Auditing Journal*, 25(2); 140-159.
- Irzan Ismail., Nik Mutasim Nik Abd Rahman., Mohamad Abdul Hamid., & Fazli Idris. (2012), Assessing employee affective commitment as a mediator on the relationship between risk

- assessment and effective enterprise risk management (ERM). *Journal of Business and Policy Research*, 7.(3), 60-77.
- Gesare, M, R., Michael, N., & Odongo, A, J, (2013). Influence of Internal Control Systemson Fraud Risk Management among Commercial Bank in Kisii Town, Kenya. *IOSR Journal of Business and Management, Volume 18, Issue 4.28-34.*
- Khamis (2013), “Contribution of internal Control system to the financial performance of financial institution: A case of people’s bank of Zanzibar Ltd.
- Khorwatt, E, (2013). Assessment of Business Risk and Control Risk in the Libyan Context,. *Open Journal of Accounting, 4, 1-9.*
- Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam. (2005). *Guiding principles of risk management For institutions (Other than insurance institutions) offering only Islamic financial service.*
- Mahadeen, B., Al-Dmour, R., H., Obeidat, B., Y., & Tarhini, A., (2016). Examining the Effect of the Organization’s Internal Control System on Organizational Effectiveness: A Jordanian Empirical Study. *International Journal of Business Administration, Volume 7, Issue 6 22-41.*
- Norwatim, A, L. (2011). Tahap Pengambilan Risiko Dalam Gerakan Koperasi Di Malaysia. *Malaysian Journal of Co-operative Studies* Volume 7:103-118.
- Rosman, R, I., Shafie, N, A., Mohd Sanusi, Z, Johari, R, J., & Omar, N. (2016). The Effect of Internal Control Systems and Budgetary Participation on the Performance Effectiveness of Non-profit Organizations: Evidence from Malaysia. *Int. Journal of Economics and Management* 10 (S2): 523 – 539.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2012). *Penyeliaan risiko koperasi priskop.* Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- Spitzer, E. (2005). *Internal controls and financial accountability for not-for-profit boards.* New York, NY: Little, Brown